

## TARBIYYAH MASA CUTI

Bulan Disember tahun ini, anak-anak kita menghadapi fasa bercuti. Kita sebagai ibubapa mahupun ahli-ahli masyarakat mesti mengambil tanggungjawab mendidik anak-anak ini dari pendidikan formal sekolah kepada pendidikan di rumah kerana pendidikan generasi akan datang tiada istilah “cuti”.

Ada dalam kalangan ibubapa telah merancang aktiviti bermanfaat untuk anak-anak yang bakal bercuti agar masa yang terluang tanpa pendidikan formal di sekolah dapat disambung dengan pendidikan tidak formal di rumah mahupun melalui pergaulan seharian bersama keluarga.

Ibubapa wajib memahami bahawa tugas mendidik anak adalah tugas asasi ibubapa bukannya diserahkan tugas itu kepada sekolah semata-mata. Sebelum guru-guru di sekolah dipertanggungjawabkan atas insiden-insiden yang dianggap ada unsur kecuaiian ketika mendidik anak-anak kita, kita sebagai ibubapa terlebih dahulu akan dipersoalkan oleh Allah SWT. Ini disebabkan di dalam al-Quran secara jelas dan nyata meminta kita sebagai ibubapa mencari jalan untuk menyelamatkan diri dan keluarga dari api neraka. Firman Allah SWT dalam surah al Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ  
غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

Waktu cuti persekolahan adalah waktu yang terbaik untuk menilai penghayatan cara hidup Islam yang terbaik dalam kalangan anak-anak kita lebih-lebih lagi anak-anak yang bersekolah di asrama. Menyelamatkan diri dan keluarga dari api neraka bermakna kita mesti memastikan diri kita dan anak-anak kita mempunyai aqidah yang benar, melaksanakan ibadah dengan betul, mempunyai akhlak yang murni, dan sentiasa merasakan diri kita sentiasa berhubungan dengan masa depan Islam sehingga anak-anak kita tahu tanggungjawabnya sebagai seorang muslim dan muslimah terhadap Islam.

Mari kita gunakan gunakan interaksi kita dengan anak-anak kita semasa cuti sekolah untuk kita menilai adakah anak-anak kita terselamat dari aliran-aliran kepercayaan songsang yang semakin dipromosi hebat dalam kalangan masyarakat kita seperti aqidah syiah, aliran pluralisme agama yang menganggap semua agama itu serupa, ajaran-ajaran songsang seperti black metal mahupun terpengengaruh dengan gerakan kristianisasi. Ketika bersebang-sembang dengan mereka, gunakanlah kesempatan untuk mengesan jika ada perkara-perkara yang mencurigakan dalam sudut aqidah supaya dapat diselesaikan dengan lebih awal.

Waktu cuti persekolahan ini adalah waktu terbaik kita sebagai ibubapa mengukur dan membuat penambahbaikan terhadap kualiti ibadah khusus anak-anak kita. Tumpukan kepada tonggak dan tiang kepada agama kita iaitu solat. Perhatikan sejauh mana anak-anak kita mengambil berat solat solat. Anak-anak lelaki kita bawalah bersolat secara berjemaah di masjid dan sesekali mintalah ia menjadi imam kepada ibu dan adik-beradiknya ketika solat berjemaah di rumah. Lihatlah anak-anak perempuan kita ketika keluar rumah, adakah mereka mementingkan penutupan aurat. Jadikan ibadat-ibadat yang fardhu serta peruntah-perintah utama agama sebagai keutamaan pemantauan kita. Sekiranya mereka sudah tiada masalah melaksanakan perintah agama yang asas-asas, maka bolehlah disuburkan lagi dengan ajaran-ajaran agama yang digalakkan kita melaksanakannya seperti solat dhuha, menambahkan hafalan al-Quran, melaksanakan puasa sunat secara berjemaah dengan keluarga dan sebagainya. Ambillah perhatian terhadap pengaruh Islam liberal yang mungkin mempengaruhi anak-anak kita.

Dari sudut akhlak, nilailah bahasa pertuturan anak-anak kita di rumah, lihatlah bagaimana mereka menyantuni orang-orang yang lebih tua dari mereka dan bagaimana mereka melayan rakan taulan dan adik beradik mereka yang lebih muda. Bagaimana respon mereka terhadap permintaan ibu dan ayah mereka di saat bantuan mereka diperlukan. Sangat besar peluang cara hidup Islam dapat dinilai sejauh mana penghayatannya seperti menjaga masa, menjaga kebersihan, menjaga tali silatirrahim sesama adik beradik, sesama sanak saudara, jiran tetangga, kerja-kerja sukarela, bertolak ansur, tegas dengan kebenaran dan sebagainya.

Satu lagi aspek yang sangat penting ialah menghubungkan anak-anak kita dengan dunia Islam. Dedahkan kepada mereka apa yang sedang berlaku kepada dunia Islam dan umat Islam di seluruh dunia. Isu pembebasan al Quds, penindasan umat Islam di seluruh dunia seperti di Myanamar, penguasaan kuffar terhadap umat Islam seperti di Iraq, Syria dan negara umat Islam yang lain. Anak-anak kita juga perlu ditanamkan rasa kasih kepada agama dan negara. Kasih kepada bangsa yang diamanahkan untuk menjaga Islam di negara ini. Pupuklah semangat membangunkan semula tamadun Islam di dunia ini khususnya di Malaysia agar mereka tidak terbuai dengan dunia kemasyhuran para artis dan ahli sukan sehingga tumpul semangat jihad di dalam sanubari mereka sehingga membawa mereka ke lembah yang akan mengumpulkan seramai mungkin pemuda pemudi Islam yang akan menjadi kuda tunggangan antara dua ekstrim iaitu pihak ekstrimis dan liberalis.

Sebuah hadis yang diriwayatkan dari Saidina Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ، كَمَثَلِ الْبُهَيْمَةِ تُنْجُ الْبُهَيْمَةَ،  
هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءَ

“Setiap kelahiran (anak kecil) dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibu bapanya menyahudikannya, atau menasranikannya, atau memajusikannya, sebagaimana haiwan melahirkan (mengeluarkan) haiwan, adakah kamu lihat padanya sebarang kecacatan (kekurangan/kelainan)”

(Hadis Riwayat Bukhari)

Dan hadis diriwayatkan dari Saidina Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ "

“Apabila wafatnya manusia, maka terputus darinya amalannya (pahala) kecuali dari tiga perkara (iaitu) dari sedakah jariah (pahala yang mengalir), ilmu yang bermanfaat (kepada manusia lain yang masih hidup), atau anak soleh yang sentiasa mendoakan kebaikan kepadanya”.

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

**DATO HJ ZAMRI BIN HASHIM**

Timbalan Mufti

Negeri Perak Darul Ridzuan